

D.R. 5/2004

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Nama

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004.

Pindaan seksyen 35

2. (1) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [*Akta 582*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 35 —

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "kadar ses itu", perkataan ", orang atau golongan orang yang dikenakan ses"; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "kelapa sawit yang berlainan", perkataan "berhubungan dengan orang yang berlainan atau golongan orang yang berlainan".

(2) Mana-mana perundangan subsidiari yang telah dibuat oleh Menteri pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 35(1) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini diisytiharkan telah dibuat dengan sah dan menurut undang-undang walaupun subseksyen itu tidak mengandungi peruntukan sebagaimana yang dipinda dalam subseksyen (1) pada masa perundangan subsidiari itu dibuat.

Pengesahan perundangan subsidiari Akta-Akta yang

3. Mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 [Akta 179] dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979 [Akta 218] diisytiharkan telah dibuat dengan sah dan menurut undang-undang walaupun tidak terkandung dalam Akta-Akta yang di bawahnya perundangan subsidiari itu dibuat apa-apa peruntukan berhubung dengan orang atau golongan orang yang dikenakan ses.

Pengesahan ses

4. Menurut subseksyen 2(2) dan seksyen 3 Akta ini, semua ses yang dikenakan dan wang yang dipungut dan yang dikatakan dikenakan dan dipungut di bawah Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976, Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979 dan Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta itu disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah dan menurut undang-undang berkenaan dengan minyak sawit sama ada atau tidak ses itu telah dikenakan ke atas minyak yang berasal atau yang diekstrak daripada perikarpa atau isirung buah kelapa sawit atau berkenaan dengan minyak dalam bentuk mentah atau yang diproses daripada buah dan biji kelapa sawit.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 [Akta 582] dan untuk mengesahkan pemungutan ses berkenaan

dengan minyak sawit dari 1 Januari 1979 (iaitu tarikh mula berkuat kuasa Perintah Minyak Keiapa Sawit (Ses) 1978 [P.U. (A) 372/78]).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan ini.
3. *Fasal 2* mengandungi pindaan kepada subseksyen (1) dan (3) seksyen 35 Akta 582 bagi menjelaskan bahawa Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan orang atau golongan orang yang dikenakan ses di bawah seksyen itu. *Subfasal 2(2)* bertujuan untuk mengesahkan mana-mana perundangan subsidiari yang telah dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 35(1) Akta 582 sebelum permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan ini.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk mengesahkan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Keiapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 [Akta 179] dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Keiapa Sawit 1979 [Akta 218] ("Akta-Akta yang dimansuhkan").
5. *Fasal 4* memperuntukkan bahawa menurut subseksyen 2(2) dan seksyen 3 Akta yang dicadangkan ini, semua ses yang dikenakan dan wang yang dipungut di bawah Akta 582 dan Akta-Akta yang dimansuhkan dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta itu disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah dan menurut undang-undang.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2400]

A BILL

intituled

An Act to amend the Malaysian Palm Oil Board Act 1998.

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

Citation

1. This Act may be cited as the Malaysian Palm Oil Board (Amendment) Act 2004.

Amendment of section 35

2. (1) The Malaysian Palm Oil Board Act 1998 [*Act 582*], which is referred to as the "principal Act" in this Act, is amended in section 35 —

- (a) in subsection (1), by inserting after the words "rate of the cess", the words ", person or class of persons on whom the cess is imposed"; and
- (b) in subsection (3), by inserting after the word "product" the words "in relation to different persons or different classes of persons".

(2) Any subsidiary legislation made by the Minister in exercising the powers conferred on him by subsection 35(1) of the principal Act before the commencement of this Act is declared to have been validly and lawfully made notwithstanding that that subsection did not contain the provision as amended in subsection (1) at the time when the subsidiary legislation was made.

Validation of subsidiary legislation of repealed Acts

3. Any subsidiary legislation made under the Palm Oil Registration and Licensing Authority (Incorporation) Act 1976 [*Act 179*] and the Palm Oil Research and Development Act 1979 [*Act 218*] are declared to have been validly and lawfully made notwithstanding the absence in the Acts under which they were made of any provision relating to the persons or class of persons on whom cess is imposed.

Validation of cess

4. Pursuant to subsection 2(2) and section 3 of this Act, all cess imposed and monies collected and purporting to be imposed and collected under the Palm Oil Registration and Licensing Authority (Incorporation) Act 1976, the Palm Oil Research and Development Act 1979 and the Malaysian Palm Oil Board Act 1998 and any subsidiary legislation made under those Acts shall be deemed to have been validly and lawfully imposed and collected in respect of palm oil whether or not such cess was imposed in respect of oil originating or extracted from the pericarp or the kernel of the oil palm fruit or in respect of oil in crude or processed form extracted from oil palm fruits and seeds.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Malaysian Palm Oil Board Act 1998 [*Act 582*] and to validate the collection of cess in respect of palm oil from 1 January 1979 (namely, the date of coming into operation of the Palm Oil (Cess) Order 1978 [*P.U. (A) 372/78*]).

2. *Clause 1* contains the short title of the proposed Act.

3. *Clause 2* seeks to amend subsections (1) and (3) of section 35 of Act 582 by making it clear that the Minister has the power to prescribe the persons or class of persons on whom the cess under that section is imposed. *Subclause 2(2)* seeks to validate any subsidiary legislation made by the Minister under subsection 35(1) of Act 582 before the commencement of the proposed Act.

4. *Clause 3* seeks to validate any subsidiary legislation made under the Palm Oil Registration and Licensing Authority (Incorporation) Act 1976 [*Act 179*] and the Palm Oil Research and Development Act 1979 [*Act 218*] (the "repealed Acts").

5. *Clause 4* provides that pursuant to subsection 2(2) and section 3 of the proposed Act, all cess imposed and monies collected under Act 582 and the repealed Acts and any subsidiary legislation made under those Acts are deemed to have been validly and lawfully imposed and collected.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the Government in any extra financial expenditure.

[PN(U²)2400]